

# **Kebolehan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Awam Malaysia dalam Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab**

*Mohamad Rofian Ismail<sup>1</sup>, Ahmad Redzaudin Ghazali<sup>2</sup>, Khairatul Akmar bin Abdul Latif<sup>3</sup>, dan Muhammad bin Daoh<sup>4</sup>*

<sup>1,2,3</sup>Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi, Selangor.

<sup>4</sup>Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, Selangor.

\*Corresponding e-mail: [mohdrofian@kuis.edu.my](mailto:mohdrofian@kuis.edu.my)

---

## **Abstrak**

*Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti kebolehan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Sebanyak 283 orang pelajar daripada empat buah universiti yang dipilih iaitu Universiti Malaya (26 orang), Universiti Kebangsaan Malaysia (41 orang), Universiti Sultan Zainal Abidin (86 orang), dan Universiti Sains Islam Malaysia (130 orang) sebagai sampelkajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Kaedah analisis deskriptif mudah iaitu skor min analisis digunakan untuk memperoleh dapatan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebolehan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab secara keseluruhannya berada pada interpretasi min yang sederhana iaitu USIM ( $\text{min}=3.34$ ), UNISZA ( $\text{min}=3.60$ ), UKM ( $\text{min}=3.50$ ) dan UM ( $\text{min}=3.50$ ). Dapatan ini secara tidak langsung memperihalkan permasalahan-permasalahan yang telah dihadapi oleh pelajar di Universiti Awam Malaysia dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Justeru, kajian ini akan mengenalpasti dan mendedahkan setiap permasalahan yang dihadapi oleh pelajar peringkat universiti dalam kemahiran mengarang bahasa Arab.*

## **Abstract**

*This research was conducted with the purpose of identifying the ability to write essays in Arabic among students of the Bachelor of Arabic Language in public universities. A total of 283 students from four public universities i.e. Universiti Malaya (26 students), Universiti Kebangsaan Malaysia (41 students), Universiti Sultan Zainal Abidin (86 students), and Universiti Sains Islam Malaysia (130 students) participated in this research. Data collected was analysed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. A simple descriptive analysis method i.e. means score analysis is used to obtain findings. The overall findings show that the students' ability to write essays in Arabic in the public universities chosen is average with a mean of USIM ( $\text{min}=3.34$ ), UNISZA ( $\text{min}=3.60$ ), UKM ( $\text{min}=3.50$ ) dan UM ( $\text{min}=3.50$ ). The findings indirectly describe problems faced by students in public universities in their Arabic essay writing skills. Thus this research identifies and exposes every problem faced by university students in their essay writing skills in the Arabic language.*

**Kata kunci:** Kebolehan, pelajar universiti, kemahiran, karangan, bahasa Arab.

## **1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia telah meletakkan matlamat membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Dalam mempelajari bahasa Arab, kebolehan menulis merupakan kemahiran yang sukar dikuasai oleh pelajar kerana ia adalah bakat semulajadi. Tapi sebaliknya, menurut Yahya Othman (2005), penguasaan kemahiran menulis bukan hanya bergantung kepada bakat semata-mata malah dipengaruhi juga oleh pengajaran menulis yang bersistem dan berkesan. Oleh itu, dalam proses pengajaran kemahiran menulis bahasa Arab yang bersistematik, penguasaan penulisan secara berperingkat perlulah dimulakan dengan menulis huruf, kemudian perkataan, seterusnya ayat dan akhirnya menghasilkan sebuah wacana yang dapat difahami apabila dibaca.

Pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing mahupun bahasa kedua mestilah sekurang-kurangnya mampu membina ayat yang lengkap, bebas dari kesalahan dan kesilapan tatabahasa, namun kemahiran menulis peringkat tinggi seperti menulis karangan perlulah diajar dengan baik kerana kemahiran pada peringkat ini sangat sukar dikuasai pelajar. Kajian Ahmad Khair Mohd. Nor (2005) menyatakan bahawa proses menulis karangan merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain dan kebanyakan orang tidak mahir menulis.

Selain itu, budaya pembelajaran pelajar di pusat pengajian tinggi di Malaysia yang suka menghafal karangan bahasa Arab bagi tujuan peperiksaan menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran menulis mereka berada pada tahap yang paling lemah. Ini dinyatakan dalam kajian Samah (2012) bahawa kemampuan menulis ayat bahasa Arab pelajar melalui penulisan karangan pendek adalah pada tahap yang sangat lemah.

Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa sebarang kajian mengenai kemahiran menulis khususnya penulisan karangan perlu diambil serius bermula dari peringkat sekolah rendah lagi agar penguasaan kemahiran mengarang bahasa Arab tidak menjadi satu masalah utama di peringkat menengah dan tinggi.

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mengenalpasti aspek-aspek kebolehan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam Malaysia dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab;
- ii. Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam Malaysia dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab;
- iii. Mencadangkan penyelesaian kepada masalah berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi melalui analisis aspek-aspek kebolehan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam Malaysia dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab.

### **3.0 SOALAN KAJIAN**

Kajian ini akan memberi jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- i. Apakah aspek-aspek kebolehan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam Malaysia dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab;
- ii. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam Malaysia dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab;
- iii. Apakah cadangan dan resolusi yang terbaik hasil daripada analisis aspek-aspek kebolehan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam Malaysia dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab.

### **4.0 PERBINCANGAN LITERATUR KAJIAN**

Menurut Abdul Hadi Mohd Salleh (1998) penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar pada masa kini keseluruhannya sangat tidak memuaskan. Kelemahan dalam kemahiran bahasa terutama kemahiran menulis merupakan faktor utama kepada permasalahan tersebut.

Memulakan penulisan bukanlah sekadar persoalan kebolehan semata-mata atau soal pengetahuan tentang sesuatu kerana pakar yang berpengetahuan dan berkemahiran pun turut menghadapi masalah yang serupa (Flower, 1985) dalam Roselan Baki (2003). Menurut Corder (1974), kemahiran menulis haruslah dikuasai pada peringkat awal supaya para pelajar dapat menghasilkan tulisan yang kemas dan mudah dibaca. Ini kerana menulis merupakan suatu tugas yang kompleks. Ia merupakan kebolehan berbahasa yang paling sukar diperoleh.

Dalam memahami realiti kemahiran pelajar yang bukan penutur asli bahasa Arab dalam kemahiran menulis karangan di Malaysia, pengkaji telah membuat tinjauan literatur dan memperolehi maklumat dan gambaran berdasarkan dapatan-dapatan kajian sebagaimana berikut. Terdapat banyak kajian lampau yang menunjukkan kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT khususnya mereka yang mengambil jurusan sarjana muda bahasa Arab. Kajian-kajian tersebut ialah kajian (Osman Khalid, 1994) tentang kemerosotan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA, kajian Muhamad Pisol et al. (2005) dalam Mohamad (2009) tentang kelemahan kemahiran membaca dan memahami bahasa surat khabar, kajian Mat Taib Pa (2008) tentang kelemahan penguasaan perbendaharaan, morfologi dan sintaksis dan gaya bahasa, kajian Zarima Mohd, Zakaria & Taj Rijal Muhd.Ramli. (2008) tentang kelemahan pelajar dalam pertuturan dan penulisan, kajian Abdul Rahim Hj. Ismail (2005) tentang kemerosotan graduan bahasa Arab dalam penguasaan bahasa Arab, Kajian Mohd Bakhir Haji Abdullah (2011) tentang tahap penguasaan kemahiran penulisan dalam kalangan para mahasiswa Kolej Universiti Insaniah Negeri Kedah.

Mohamad (2009) pula mendapati penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA tempatan adalah rendah samada di dalam atau luar bilik kuliah. Tahap penggunaan bahasa Arab yang rendah itu adalah disebabkan oleh faktor luaran dan faktor dalaman seperti malu, tidak yakin, takut, tidak semangat dan sebagainya. Penggunaan bahasa Arab yang rendah ini termasuklah penggunaan bahasa Arab dalam kemahiran menulis karangan. Menurut Khairatul Akmar et al. (2014) faktor-faktor dalaman tersebut memberi kesan dan sumbangan yang besar

terhadap kemajuan dan kejayaan para pelajar dalam setiap bidang yang diceburi terutama dalam bidang pembelajaran. Pelajar yang mempunyai faktor sahsiah yang cemerlang akan bersikap rajin serta mempunyai keazaman yang kuat untuk mencapai sesuatu yang diusahainya.

Dalam proses kemahiran menulis bahasa Arab di IPT pula, masalah yang biasa dihadapi oleh pelajar ialah bagaimana untuk memulakan penulisan. Mereka keliru memilih bentuk pembinaan ayat yang sesuai dan betul untuk digunakan dalam ayat. Kajian yang dijalankan oleh Madiyah Muhammad Yusuf (2009) mendapati hanya 10% sahaja pelajar tahun tiga dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, yang mampu mengeluarkan ayat yang mengandungi frasa nama bahasa Arab dari petikan yang diberikan. Manakala Khazri Osman dan Ku Siti Esah Ku Ibrahim (2012) dalam kajiannya bertajuk Analisa Kesalahan Pelajar Dalam Penulisan Bahasa Arab: Kajian Kursus Maharat al-Kitabah di UKM menunjukkan bahawa mereka telah melakukan kesalahan-kesalahan penulisan karangan yang dikategorikan sebagai imla', pemilihan kata tunggal, duaan dan jamak, pemilihan ishtiqaq, membaris perkataan, penyesuaian muzakkars dan muannaths, pemilihan ta'diyah dan tatabahasa. Dapatan kajian juga mendapati bahawa majoriti pelajar melakukan kesalahan membaris perkataan, diikuti aspek dilalah. Kesalahan yang paling kurang dilakukan oleh pelajar ialah aspek imla', pemilihan kata tunggal, duaan dan jamak, pemilihan ishtiqaq, penyesuaian muzakkars dan muannaths, pemilihan ta'diyah dan tatabahasa.

Kajian Samah (2012) pula menyatakan bahawa kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis adalah disebabkan oleh kurangnya latihan yang diberikan kepada pelajar. Bagi menjayakan aktiviti pembelajaran guru dicadangkan supaya memperbanyakkan latihan kepada pelajar dan memperbaiki kelemahan mereka melalui latihan tersebut. Begitu juga mereka hendaklah memperbanyakkan soalan yang dikemukakan kepada pelajar di dalam kelas. Soalan ini akan dapat memberi perhatian dan juga kesedaran kepada pelajar untuk terus belajar. Begitu juga ia dapat menambahkan pengetahuan dan usaha pelajar untuk terus belajar.

Menurut Rusydi Ahmad Thuimah (1989), masalah kemahiran menulis yang kerap dihadapi oleh pelajar bahasa Arab sebagai Bahasa kedua atau asing peringkat awal berhimpun pada tiga masalah utama iaitu mengeja, melukis huruf, dan membentuk ayat seterusnya menulis karangan mudah. Kelemahan pelajar sarjana muda bahasa Arab dalam penulisan karangan juga tidak dapat dinafikan dengan kaedah yang digunakan oleh guru semasa mengajar menulis dalam kelas. Kelemahan ini menyebabkan mereka gagal mengikuti kursus pada peringkat universiti dengan baik (Osman Khalid. 1994).

Justeru, Hassan Basri et al. (2005) mencadangkan kursus mengarang bahasa Arab dijadikan sebagai salah satu subjek bahasa Arab peringkat tinggi hasil dari kajiannya tentang kurikulum pendidikan Islam dan bahasa Arab Ijazah Tinggi. Hal ini kerana kemahiran mengarang mempunyai kepentingan kepada graduan semasa mereka berada di alam pekerjaan nanti. Graduan yang gagal dan lemah dalam kemahiran mengarang memberi implikasi yang buruk pada masa depan mereka.

## **5.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif. Sebanyak 283 orang responden daripada empat buah universiti yang dipilih iaitu Universiti Malaya (26 orang), Universiti Kebangsaan Malaysia (41 orang), Universiti Sultan Zainal Abidin (86 orang), dan Universiti Sains Islam

Malaysia (130 orang) dipilih sebagai sampel kajian. Satu set soal selidik telah diagihkan kepada responden kajian yang mengandungi variable-variable yang berkaitan dengan objektif kajian. Data yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Data-data daripada borang soal selidik telah dianalisis dan dibentangkan menggunakan kaedah analisis diskriptif mudah iaitu skor min analysis. Untuk itu, pengkaji memilih interpretasi skor min yang bersumberkan Alias Baba (1999) semasa membuat analisis dan ia adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1 :** Interpretasi Skor Purata Ke dalam 5 tahap (Skala likert 5)

<b>Julat</b>	<b>Tahap Skor Min</b>
1.00 – 1.80	Sangat Rendah (SR)
1.81 – 2.60	Rendah (R)
2.61 – 3.40	Sederhana (S)
3.41 – 4.20	Tinggi (T)
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi (ST)

*Sumber: Alias Baba (1999)*

## 6.0 ANALISIS KAJIAN

### 6.1 Analisis Min Untuk Domain Kebolehan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Dalam Kemahiran Menulis Karangan Mengikut Setiap Universiti.

Analisis berkaitan dengan skor min bagi item-item bagi domain yang dikaji untuk setiap universiti yang terlibat boleh dirujuk kepada Jadual 2 di bawah. Jadual ini menunjukkan nilai min yang diperoleh untuk 15 item dalam domain kebolehan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Nilai min keseluruhan bagi domain ini menunjukkan USIM memperoleh nilai min yang sederhana iaitu 3.34, manakala UNISZA (min=3.60), UKM (min=3.50) dan UM (min=3.50) memperoleh nilai min tinggi.

**Jadual 2 : Min Kebolehan Kemahiran Menulis Karangan Mengikut Universiti**

<b>NO</b>	<b>ITEM</b>	<b>MIN</b>			
		<b>USIM</b>	<b>UNISZA</b>	<b>UKM</b>	<b>UM</b>
1	Saya mengambil masa yang lama untuk menyiapkan sebuah karangan bahasa Arab.	3.45 T	3.91 T	3.66 T	3.42 T
2	Saya suka menghafal karangan bahasa Arab untuk tujuan peperiksaan.	3.45 T	3.59 T	3.66 T	2.62 S
3	Saya mampu membina ayat bahasa Arab.	3.28 S	3.37 S	3.37 S	3.54 T

*Kebolehan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab*

4	Saya mampu mempelbagaikan penggunaan ayat bahasa Arab dengan baik semasa mengarang.	3.28 S	3.26 S	3.27 S	3.35 S
5	Saya mampu mengembangkan ayat bahasa Arab dengan baik semasa mengarang.	3.28 S	3.30 S	3.37 S	3.50 T
6	Saya tahu menggunakan tanda wacana semasa menulis karangan bahasa Arab.	3.65 T	3.90 T	3.71 T	3.62 T
7	Saya menulis karangan bahasa Arab berpandukan model kerangka karangan yang terdapat dalam buku/modul.	3.47 T	3.70 T	3.76 T	3.46 T
8	Saya memberi perhatian kepada aspek tatabahasa iaitu nahu dan sorof semasa menulis karangan bahasa Arab.	3.42 T	3.69 T	3.61 T	4.00 T
9	Saya dapat memulakan penulisan karangan bahasa Arab kerana telah menguasai gaya penulisan bahasa Arab.	3.18 S	3.49 T	3.32 S	3.38 S
10	Saya mudah mendapatkan idea utama semasa membina perenggan karangan bahasa Arab.	3.18 S	3.55 T	3.24 S	3.42 T
11	Saya dapat menghuraikan idea utama dan sokongan dalam karangan bahasa Arab.	3.24 S	3.52 T	3.37 S	3.46 T
12	Saya dapat menutup dan merumus karangan bahasa Arab dengan baik.	3.33 S	3.55 T	3.44 T	3.73 T
13	Saya dapat menggunakan kosa kata bahasa Arab yang saya miliki dengan betul dalam pembinaan ayat.	3.26 S	3.60 T	3.46 T	3.73 T
14	Saya dapati penulisan karangan bahasa Arab saya semasa berada di Universiti ada peningkatan.	3.38 S	4.08 T	3.71 T	3.73 T
15	Saya minat menulis karangan bahasa Arab kerana saya tahu teknik dan cara menulisnya dengan betul.	3.17 S	3.51 T	3.54 T	3.50 T

Jadual 2 menunjukkan min keseluruhan untuk domain kajian berkaitan kebolehan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Secara umumnya, nilai min yang diperoleh daripada keempat-empat universiti untuk 15 item

yang dikaji berada pada interpretasi min yang sederhana dan tinggi. Dapatan kajian menunjukkan min pada item yang pertama iaitu saya mengambil masa yang lama untuk menyiapkan sebuah karangan bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi untuk semua universiti iaitu USIM (Min=3.45), UNISZA (Min=3.91), UKM (Min=3.66) dan UM (Min=3.42). Untuk item yang kedua iaitu saya suka menghafal karangan bahasa Arab untuk tujuan peperiksaan. Nilai min untuk tiga universiti berada pada tahap yang tinggi iaitu USIM (Min=3.45), UNISZA (Min=3.59) dan UKM (Min=3.66). Manakala UM memdapat nilai min yang sederhana iaitu 2.62. Nilai min untuk item yang ketiga iaitu saya mampu membina ayat bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana untuk tiga universiti iaitu USIM (Min=3.28), UNISZA (Min=3.37) dan UKM (Min=3.37). Manakala UM mendapat nilai min yang tinggi iaitu 3.54. Untuk item yang keempat iaitu saya mampu mempelbagaikan penggunaan ayat bahasa Arab dengan baik semasa mengarang. Nilai min untuk kesemua universiti berada pada tahap yang sederhana iaitu USIM (Min=3.28), UNISZA (Min=3.26), UKM (Min=3.27) dan UM (Min=3.35). Nilai min untuk item yang kelima iaitu saya mampu mengembangkan ayat bahasa Arab dengan baik semasa mengarang berada pada tahap yang sederhana untuk tiga universiti iaitu USIM (Min=3.28), UNISZA (Min=3.30) dan UKM (Min=3.37). Manakala UM mendapat nilai min yang tinggi iaitu 3.50. Nilai min pada item yang keenam pula iaitu saya tahu menggunakan tanda wacana semasa menulis karangan bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi untuk semua universiti iaitu USIM (Min=3.65), UNISZA (Min=3.90), UKM (Min=3.71) dan UM (Min=3.62). Interpretasi min bagi item yang ketujuh iaitu saya menulis karangan bahasa Arab berpandukan model kerangka karangan yang terdapat dalam buku atau modul berada pada tahap yang tinggi untuk semua universiti iaitu USIM (Min=3.47), UNISZA (Min=3.70), UKM (Min=3.76) dan UM (Min=3.46). Nilai min pada item yang kelapan pula iaitu saya memberi perhatian kepada aspek tatabahasa iaitu nahu dan sorof semasa menulis karangan bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi untuk semua universiti iaitu USIM (Min=3.42), UNISZA (Min=3.69), UKM (Min=3.61) dan UM (Min=4.00). Nilai min untuk item yang kesembilan iaitu saya dapat memulakan penulisan karangan bahasa Arab kerana telah menguasai gaya penulisan bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana untuk tiga universiti iaitu USIM (Min=3.18), UM (Min=3.38) dan UKM (Min=3.32). Manakala UNISZA mendapat nilai min yang tinggi iaitu 3.49. Interpretasi min bagi item yang kesepuluh iaitu saya mudah mendapatkan idea utama semasa membina perenggan karangan bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi untuk dua buah universiti iaitu UNISZA (Min=3.55) dan UM (Min=3.42). Manakala nilai min yang diperoleh oleh UKM (Min=3.24) dan USIM (Min=3.18) adalah sederhana. Nilai min bagi item yang kesebelas pula iaitu saya dapat menghuraikan idea utama dan sokongan dalam karangan bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi untuk dua buah universiti iaitu UNISZA (Min=3.52) dan UM (Min=3.46). Manakala nilai min yang diperoleh oleh USIM (Min=3.24) dan UKM (Min=3.37) adalah sederhana. Untuk Item yang kedua belas iaitu saya dapat menutup dan merumus karangan bahasa Arab dengan baik, nilai min untuk tiga universiti berada pada tahap yang tinggi iaitu UKM (Min=3.44), UNISZA (Min=3.55) dan UM (Min=3.73). Manakala USIM memdapat nilai min yang sederhana iaitu 3.33. Nilai min bagi item yang ketiga belas iaitu Saya dapat menggunakan kosa kata bahasa Arab yang saya miliki dengan betul dalam pembinaan ayat berada pada tahap yang tinggi untuk 3 buah universiti iaitu UKM (Min=3.26), UNISZA (Min=3.60) dan UM (Min=3.73). Manakala USIM mendapat nilai min yang sederhana iaitu 3.26. Untuk Item yang keempat belas iaitu saya dapat penulisan karangan bahasa Arab saya semasa berada di universiti ada peningkatan, nilai min untuk tiga universiti berada pada tahap yang tinggi iaitu UKM (Min=3.71), UNISZA (Min=4.08) dan UM (Min=3.73). Manakala USIM memdapat

nilai min yang sederhana iaitu 3.38. Nilai min bagi item yang terakhir iaitu saya minat menulis karangan bahasa Arab kerana saya tahu teknik dan cara menulisnya dengan betul berada pada tahap yang tinggi untuk 3 buah universiti iaitu UKM (Min=3.54), UNISZA (Min=3.51) dan UM (Min=3.50). Manakala USIM memdapat nilai min yang sederhana iaitu 3.17.

## **7.0 DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan analisis skor min di atas, kajian ini merumuskan dapatan yang dicapai dan diperolehi adalah mengikut susunan item masing-masing seperti berikut:

### **7.1 Item 1: Pelajar mengambil masa yang lama untuk menyiapkan sebuah karangan bahasa Arab.**

Umumnya, didapati pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam Malaysia menghadapi kesukaran menulis karangan bahasa Arab kerana mereka mengambil masa yang lama untuk menyiapkannya. Hal ini kerana interpretasi min pada item ini untuk semua universiti berada pada tahap yang tinggi iaitu USIM (Min=3.45), UNISZA (Min=3.91), UKM (Min=3.66) dan UM (Min=3.42). (2.75).

### **7.2 Item 2: Pelajar suka menghafal karangan bahasa Arab untuk tujuan peperiksaan.**

Dapatan menunjukkan budaya menghafal karangan untuk tujuan peperiksaan bukan sahaja berlaku pada pelajar peringkat menengah malahan ia juga berlaku dalam kalangan pelajar yang mengambil jurusan bahasa Arab di universiti awam Malaysia. Hasil daripada analisa mendapat nilai min untuk item ini menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi pada USIM (Min=3.45), UNISZA (Min=3.59) dan UKM (Min=3.66). Manakala UM memdapat nilai min yang sederhana iaitu 2.62.

### **7.3 Item 3: Pelajar mampu membina ayat bahasa Arab.**

Nilai skor min yang diperolehi untuk item ini berada pada tahap yang sederhana untuk tiga universiti iaitu USIM (Min=3.28), UNISZA (Min=3.37) dan UKM (Min=3.37). Manakala UM mendapat skor nilai min yang tinggi iaitu 3.54. Ini menandakan kemahiran pelajar sarjana muda Bahasa Arab di universiti awam dalam membina ayat bahasa Arab adalah sederhana dan memuaskan. Dapatan ini menjelaskan bahawa pelajar di peringkat universiti mempunyai kesukaran dalam kemahiran menulis.

### **7.4 Item 4: Pelajar mampu mempelbagaikan penggunaan ayat bahasa Arab dengan baik semasa mengarang.**

Hasil dari analisis di atas, didapati pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam kurang mampu mempelbagaikan penggunaan ayat bahasa Arab dengan baik semasa mengarang. Nilai skor min pada item ini untuk kesemua universiti berada pada tahap yang sederhana iaitu USIM (Min=3.28), UNISZA (Min=3.26), UKM (Min=3.27) dan UM (Min=3.35). Dapatan ini

menjelaskan bahawa pelajar sememangnya menghadapi kesukaran dari sudut mempelbagaikan penggunaan ayat dan uslub dalam kemahiran mengarang.

**7.5 Item 5: Pelajar mampu mengembangkan ayat bahasa Arab dengan baik semasa mengarang.**

Dari sudut kemampuan mengembangkan ayat semasa menulis karangan, didapati pelajar kurang mampu dan kurang mahir. Hal ini kerana interpretasi min pada item ini berada pada tahap yang sederhana untuk tiga universiti iaitu USIM (Min=3.28), UNISZA (Min=3.30) dan UKM (Min=3.37). Manakala UM mendapat nilai min yang tinggi iaitu 3.50.

**7.6 Item 6: Pelajar tahu menggunakan tanda wacana semasa menulis karangan bahasa Arab.**

Dapatkan menunjukkan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam mengetahui teknik dan cara menggunakan penanda wacana semasa menulis karangan bahasa Arab. Nilai skor min untuk kesemua universiti menunjukkan ia berada berada pada tahap yang tinggi untuk semua universiti iaitu USIM (Min=3.65), UNISZA (Min=3.90), UKM (Min=3.71) dan UM (Min=3.62).

**7.7 Item 7: Pelajar menulis karangan bahasa Arab berpandukan model kerangka karangan yang terdapat dalam buku/modul.**

Nilai skor min untuk item ini berada pada tahap yang tinggi bagi semua universiti iaitu USIM (Min=3.47), UNISZA (Min=3.70), UKM (Min=3.76) dan UM (Min=3.46). Dapatkan ini menunjukkan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam menggunakan model kerangka karangan yang telah mereka pelajari dalam buku/modul semasa menulis karangan bahasa Arab.

**7.8 Item 8: Pelajar memberi perhatian kepada aspek tatabahasa iaitu Nahu dan Sorof semasa menulis karangan bahasa Arab.**

Hasil dari analisis di atas, didapati pelajar memberi perhatian kepada aspek tatabahasa iaitu nahu dan sorof semasa menulis karangan bahasa Arab. Nilai skor min semua universiti pada item ini menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi iaitu USIM (Min=3.42), UNISZA (Min=3.69), UKM (Min=3.61) dan UM (Min=4.00).

**7.9 Item 9: Pelajar dapat memulakan penulisan karangan bahasa Arab kerana telah menguasai gaya penulisan bahasa Arab.**

Nilai skor min bagi item ini berada pada tahap yang sederhana untuk tiga universiti iaitu USIM (Min=3.18), UM (Min=3.38) dan UKM (Min=3.32). Manakala UNISZA mendapat nilai min yang tinggi iaitu 3.49. Dapatkan ini menunjukkan bahawa pelajar masih kurang mampu memulakan penulisan karangan bahasa Arab walaupun mereka menguasai gaya penulisan bahasa Arab.

**7.10 Item 10: Pelajar mudah mendapatkan idea utama semasa membina perenggan karangan bahasa Arab.**

Dapatan menunjukkan terdapat keseimbangan antara pelajar yang mudah mendapatkan idea utama semasa membina perenggan bahasa Arab dengan pelajar yang kurang mampu berbuat demikian. Interpretasi min pada item ini berada pada tahap yang tinggi untuk dua buah universiti iaitu UNISZA (Min=3.55) dan UM (Min=3.42). Manakala nilai min yang diperoleh oleh UKM (Min=3.24) dan USIM (Min=3.18) adalah sederhana.

**7.11 Item 11: Pelajar dapat menghuraikan idea utama dan sokongan dalam karangan bahasa Arab.**

Terdapat keseimbangan antara pelajar yang mampu menghuraikan idea utama dan sokongan dalam karangan bahasa Arab dengan pelajar yang kurang mampu berbuat demikian. Interpretasi min pada item ini jelas berada pada tahap yang tinggi untuk dua buah universiti iaitu UNISZA (Min=3.52) dan UM (Min=3.46). Manakala nilai min yang diperoleh oleh USIM (Min=3.24) dan UKM (Min=3.37) adalah sederhana.

**7.12 Item 12: Pelajar dapat menutup dan merumus karangan bahasa Arab dengan baik.**

Dapatan menunjukkan pelajar mampu menutup dan merumus karangan bahasa Arab dengan baik. Hal ini kerana nilai min untuk tiga universiti berada pada tahap yang tinggi iaitu UKM (Min=3.44), UNISZA (Min=3.55) dan UM (Min=3.73). Manakala USIM memdapat nilai min yang sederhana iaitu 3.33

**7.13 Item 13: Pelajar dapat menggunakan kosa kata bahasa Arab yang miliki dengan betul dalam pembinaan ayat.**

Dapatan menunjukkan pelajar dapat menggunakan kosa kata bahasa Arab yang dimilik dengan betul dalam pembinaan ayat. Hal ini kerana nilai skor min untuk item ini berada pada tahap yang tinggi untuk 3 buah universiti iaitu UKM (Min=3.26), UNISZA (Min=3.60) dan UM (Min=3.73). Manakala USIM memdapat nilai min yang sederhana iaitu 3.26.

**7.14 Item 14: Pelajar dapat ada peningkatan dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab semasa berada di universiti.**

Kajian mendapati pelajar sarjana muda bahasa Arab mengakui bahawa terdapat peningkatan dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab semasa mereka mempelajarinya di peringkat universiti. Ini berikutnilai min untuk tiga universiti berada pada tahap yang tinggi iaitu UKM (Min=3.71), UNISZA (Min=4.08) dan UM (Min=3.73). Manakala USIM memdapat nilai min yang sederhana iaitu 3.38.

**7.15 Item 15: Pelajar minat menulis karangan bahasa Arab kerana mengetahui teknik dan cara menulisnya dengan betul.**

Dapatkan menunjukkan bahawa pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam mempunyai minat dalam menulis karangan bahasa Arab kerana mereka mengetahui teknik dan cara menulis dengan betul. Analisa nilai skor min untuk item ini berada pada tahap yang tinggi untuk 3 buah universiti iaitu UKM (Min=3.54), UNISZA (Min=3.51) dan UM (Min=3.50). Manakala USIM memdapat nilai min yang sederhana iaitu 3.17.

## **8.0 CADANGAN DAN PENYELESAIAN**

Setelah dianalisis data dan dibincangkan dapatan kajian, pengkaji ingin mengemukakan beberapa solusi dan cadangan ke arah penyelesaian berkaitan kebolehan pelajar sarjana muda bahasa Arab dalam kemahiran menulis karangan. Setiap butiran cadangan dan solusi tersebut adalah sebagaimana berikut:

- a) Masalah kesukaran pelajar menyiapkan tugas karangan sehingga mengambil masa yang lama menunjukkan bahawa mereka kurang mahir menulis. Masalah ini sangat kritikal memandangkan mereka berada di peringkat universiti dan mengambil bidang bahasa Arab. Justeru, pengkaji mencadangkan agar pelajar didedahkan dengan latihan mengarang berpandukan model dan langkah-langkah penulisan karangan yang mudah.
- b) Budaya pelajar suka menghafal karangan untuk tujuan peperiksaan telah melemahkan kemahiran menulis mereka khususnya menulis karangan. Hal ini kerana mengarang memerlukan kemahiran aplikasi tatabahasa, uslub dan juga penguasaan pelbagai kosa kata dan istilah mengikut bidang, situasi dan persekitaran. Kemahiran tersebut tidak akan dapat dikuasai melainkan pelajar telah diajar dan didedahkan kepada mereka aspek-aspek tersebut.
- c) Pelajar juga menghadapi kesukaran dalam membina ayat bahasa Arab. Mereka juga didapati kurang mampu mempelbagaikan penggunaan ayat bahasa Arab dengan baik semasa mengarang. Umum tahu bahawa bahasa Arab adalah bahasa kedua yang mempunyai sistem tatabahasa yang begitu ketara perbezaannya dengan bahasa ibunda pelajar. Pelajar perlu menguasai ilmu Nahu dan Sorof bagi tujuan pembinaan ayat selain memiliki kosa kata yang banyak dalam bahasa Arab.
- d) Dari sudut kemampuan mengembangkan ayat semasa menulis karangan, didapati pelajar kurang mampu dan kurang mahir. Mengembangkan ayat merupakan teknik yang sukar dikuasai namun mudah difahami sekiranya tenaga pengajar menggunakan modul yang sesuai selain teknik pengajaran dan bahan bantu mengajar yang berkesan.
- e) Terdapat juga kesukaran pelajar peringkat universiti untuk memulakan penulisan karangan bahasa Arab. Begitu juga mereka sukar menghasilkan idea utama dan sokongan setiap perenggan karangan seterusnya membuat huraian dan olahan padanya. Kesukaran-kesukaran ini telah mencacatkan kecenderungan pelajar untuk mengarang. Pengkaji mencadangkan agar pihak universiti membuat penambahbaikan pada modul

kemahiran menulis pelajar dengan memberi perhatian yang sewajarkan terhadap teknik-teknik penting kemahiran mengarang seperti teknik atau langkah-langkah memulakan karangan, teknik menghasilkan idea, teknik mengolah idea dan teknik-teknik lain yang dapat membantu pelajar menulis karangan.

## **9.0 PENUTUP**

Kajian ini secara faktanya telah membantu pengkaji memperoleh gambaran umum berkaitan kebolehan dan penguasaan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam dalam kemahiran mengarang bahasa Arab. Kemahiran menulis khususnya kemahiran mengarang mestilah diajar secara seimbang dengan menggunakan modul yang bersesuaian dengan pelajar agar pencapaian dan penguasaan kemahiran mengarang pelajar dapat diperbaiki dan pertingkatkan kearah yang paling baik. Teknik dan aktiviti pengajaran perlu diperbaharui mengikut peredaran teknologi semasa kerana bidang pendidikan sentiasa mengalami perubahan seiring dengan peredaran zaman dan teknologi. Justeru, beberapa saranan ke arah penyelesaian telah dikemukakan dengan harapan agar pelajar dapat meningkatkan kemahiran menulis karangan bahasa Arab dengan baik. Sesungguhnya, kejayaan itu tidak dapat direalisasikan sehinggaalah semua pihak yang terlibat dan berkepentingan mengambil jalan penyelesaian secara rasional, profesional dan berkesan.

## **Rujukan**

- Abdul Rahim Hj. Ismail (2005). *Al-Diraasaat Al-Arabiah fi Al-Diraasaat Al-Ulya Wa 'Alaqaatuha Bi Tarbiyah Al-Lughah Al-Arabiah fi Maaliziya*. Dalam, *Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Perspektif Pengajaran Tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Khair Mohd. Nor. (2005, Julai). Menulis membina ketrampilan berfikir. *Pelita Bahasa*, 18(7), 12-14.
- Alias Baba. (1999). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan, Zawawi Ismail, & Muhammad Azhar Zailani. (2005). Dalam, *Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Perspektif Pengajaran Tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Khairatul Akmar, Mohamad Rofian, Ahmad Redzaudin. (2014). Pengaruh faktor dalaman terhadap penguasaan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA) mengikut pandangan para pensyarah di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Malaysia. *Journal of Arabic Studies and Islamic Civilization*, 1(1), 152-168.
- Khazri Osman, Ku Siti Esah Ku Ibrahim. (2012). Analisa kesalahan pelajar dalam penulisan bahasa arab: kajian kursus maharat al-kitabah. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*, 2012, 130-138.
- Madihah Muhammad Yusuf. (2009). *Mustawa ma 'rifah jumal ismiyyah lada talabah watalibaat sanah thalithah bi kulliyah dirasaat quran wa sunnah*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

- Mat Taib Pa. (2008). Isu-isu pengajaran bahasa dan kesusasteraan Arab di institut pengajian tinggi. Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia. Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, FPI UKM.
- Mohamad, A. H. (2009). Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 1-14.
- Mohd Bakhir Haji Abdullah. (2011). Al-Dha'fu al-Lughowy Lada Muta'allimi al-Lughoh al-Arabiyyah bi Jami'ah al-Insaniyyah: Asasuhu wa 'lajuhu. Majallah al-Dirasat al-Lughawiyyah wa al-Adabiyyah, 263-289.
- Osman Khalid. (1994). Pengajian dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi Malaysia. Dalam, Abdul Halim el-Muhammady (Pnyt). Pendidikan Islam dalam pembangunan ummah, Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn.Bhd.
- Roselan Baki. (2003). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd
- Rusydi Ahmad Thuimah. (1989). Al-Marja' fi Ta'lim al-Lughah al-Arabiah Li al-Natiqiin Bi Lughatin Ukhra. Jilid2. Jamiah Ummu Qura: Maahad Al-Lughah A-Arabiah.
- Rosni Samah. (2012). Isu-isu pembelajaran bahasa Arab. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), 2012, 286-300.
- Samah, R. (2012). arabic sentences construction among the Islamic religious school graduates. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12, 555-569.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran bahasa Melayu*. Kuantan: PTS Profesional.
- Zarima Mohd, Zakaria & Taj Rijal Muhd.Ramli. (2008). Sejarah perkembangan program minor bahasa Arab di Fakulti Bahasa UPSI. Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia. Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, FPI UKM.